

STRATEGI KOMUNIKASI & KESOPANAN BERBAHASA DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL:KAJIAN BERDASARKAN WARKAH-WARKAH MELAYU LAMA

Prof. Madya Dr. Ab.Razak Ab.Karim
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

PENGENALAN

Makalah yang serba ringkas ini akan membincangkan bentuk-bentuk strategi komunikasi dan jenis-jenis kesopanan yang diamalkan oleh masyarakat zaman lampau apabila mereka mengadakan komunikasi sesama mereka. Semasa mereka berkomunikasi terdapat beberapa strategi yang digunakan tanpa mereka sedari di samping pelbagai kesopanan tergambar dalam sesuatu komunikasi itu. Dalam masyarakat Melayu lama, kedua-dua perkara ini akan dibincangkan berdasarkan warkah-warkah Melayu kerana warkah Melayu dapat menggambarkan pelbagai strategi dan bentuk kesopanan yang digunakan¹. Tambahan pula warkah merupakan salah satu daripada alat komunikasi yang terpenting pada zaman lampau berbanding dengan bentuk lain.

Bagi masyarakat zaman lampau, warkah merupakan salah satu alat penghubung dan alat yang menjalinkan silaturrahim antara dua pihak yang terlibat, sama ada pihak barat ataupun antara pembesar dengan pembesar ataupun antara sultan dengan sultan. Oleh yang demikian, mereka tidak terikat dengan situasi formal sewaktu penulisan warkah. Ini akan dapat menggambarkan situasi sebenar budaya dan strategi komunikasi yang digunakan.

¹ Makalah ini hanya akan menggunakan warkah-warkah sosial sahaja kerana warkah-warkah lain seperti warkah perjanjian dan surat izin dagang atau surat cit tidak akan disentuh. Ini disebabkan kedua-dua jenis warkah ini terlalu formal situasinya dan gambaran kesopanan dan strategi komunikasinya telah ditetapkan oleh kedua-dua pihak yang terlibat.

STRATEGI KOMUNIKASI

Berbagai-bagai konsep digunakan oleh para pengkaji tentang strategi komunikasi. Bagaimanapun, pendekatan yang digunakan oleh Asmah Hj.Omar (1995) tentang konsep strategi komunikasi yang berkaitan dengan masyarakat Melayu cukup sesuai digunakan. Menurut beliau strategi komunikasi ialah cara-cara yang digunakan oleh pemeran-pemeran (*participant*) yang terlibat dalam sesuatu peristiwa bahasa (*speech event*) untuk mendapatkan maklumat, penjelasan yang lebih lanjut, untuk memastikan komunikasi berterusan dan sebagainya daripada pemeran yang lain.

Dalam masyarakat Melayu tradisional berdasarkan warkah-warkah Melayu, terdapat dua jenis teknik komunikasi yang digunakan, iaitu teknik langsung dan teknik tak langsung. Teknik langsung ialah teknik yang digunakan oleh seseorang untuk meminta atau memberikan sesuatu maklumat secara terus terang tanpa berselindung manakala teknik tak langsung ialah kebalikan daripada teknik langsung yang telah dinyatakan tadi. Penutur tidak menyatakan sesuatu secara terus terang tetapi menggunakan pelbagai bentuk ungkapan seperti peribahasa, bidalan dan sebagainya untuk menyatakan sesuatu itu. Dalam warkah-warkah Melayu teknik tak langsung dan teknik langsung terpapar dalam bahagian tertentu warkah, iaitu di bahagian kata puji-pujian, kandungan warkah dan bahagian prapenutup warkah².

TEKNIK TAK LANGSUNG

Tujuan utama teknik tak langsung digunakan oleh penutur masyarakat Melayu adalah sebagai suatu landasan kepada seseorang penutur/pengirim menyatakan sesuatu maksud sebenar secara berselindung dan tidak dengan terus terang. Menurut Asmah Hj.Omar (1992:175-186) masyarakat Melayu menggunakan empat teknik tak langsung dalam sesuatu komunikasi, iaitu "*beating about the bush*" atau singkatannya *BAB*, kiasan, mengatakan hal yang sebaliknya dan penggunaan orang perantaraan.

Dalam teknik *BAB* seseorang penutur itu akan memperkatakan sesuatu perkara lain yang tidak ada kena mengena dengan perkara yang hendak diperkatakan. Ia merupakan suatu kebiasaan bagi masyarakat lampau dan sehingga kini teknik ini masih segar dalam penggunaannya di kalangan masyarakat kita. Penggunaan unsur ini merupakan suatu kaedah pembuka komunikasi atau permulaan sesuatu ucapan sebelum sesuatu perkara yang sebenarnya hendak diperkatakan. Bentuk kiasan pula merupakan suatu teknik lain, iaitu penutur memperkatakan sesuatu secara langsung tetapi mesej sebenarnya adalah berselindung di sebalik kiasan yang digunakan seperti unsur alam semula jadi ataupun keindahan alam yang lain. Dengan cara ini mesej yang disampaikan terselindung di sebalik ungkapan kiasan yang digunakan itu. Penggunaan bentuk kiasan oleh penutur adalah bertujuan agar pemeran yang ditujukan kata-kata tersebut berfikir sejenak tentang mesej yang disampaikan oleh penutur itu. Dalam teknik penggunaan bahasa yang sebaliknya atau bahasa terbalik mesej yang disampaikan adalah bertentangan dengan apa yang

² Kata puji-pujian ialah bahagian pembuka warkah atau bahagian awal sesepucuk warkah. Penggunaan kata puji-pujian banyak bergantung pada latar belakang penerima, status penerima dalam masyarakat, dan peraturan sosial dalam masyarakat.

Kandungan warkah ialah bahagian terpenting dalam warkah, iaitu bahagian yang mengandungi segala permintaan atau mesej utama yang hendak disampaikan oleh pengirim warkah kepada penerima.

Prapenutup ialah bahagian selepas kandungan warkah dan dalam bahagian ini terdapat kata-kata beradat yang digunakan pengirim sebagai tanda hubungan mesra antara pengirim dan penerima warkah.

diperkatakan manakala penggunaan orang perantara melibatkan pihak ketiga untuk menyampaikan sesuatu mesej yang diperkatakan oleh orang pertama.

Berdasarkan penelitian warkah-warkah Melayu lama, bentuk strategi komunikasi tak langsung yang sering kali digunakan oleh masyarakat zaman lampau ialah teknik mengatakan hal sebaliknya. Dalam teknik ini mesej yang disampaikan dalam keadaan mesra antar pengirim dan juga penerima warkah. Teknik mengatakan hal sebaliknya digunakan oleh masyarakat zaman lampau adalah bertujuan antara lain untuk mengelakkan penutur berasa bangga diri atau mementingkan diri sendiri kerana bagi masyarakat zaman lampau sikap yang sedemikian adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan juga budaya Melayu yang tidak diterima oleh masyarakat umum. Penggunaan teknik ini digunakan dengan meluas sekali dalam warkah Melayu terutama dalam bahagian prapenutup warkah. Penggunaan teknik ini mudah dikenali dengan penggunaan kata *tiadalah* — *hanyalah* yang mempunyai maksud bukan setakat tiada tetapi sebenarnya pengirim menyatakan ada hadiah yang diberikan kepada penerima. Amati contoh-contoh yang dikutip daripada beberapa pucuk warkah Melayu seperti yang berikut:

- a) *Kemudian daripada itu suatu pun tiada alamat al-ikhlas daripada kita hanyalah doa daripada tiap2 hari malam³ ...*
- b) *Maka tiadalah suatu cenderamata hanyalah kain besar sepasang akan anak kita dan lagi sehelai kain besar kepada sahabat kita⁴ ...*
- c) *Suatu pun tiada hanyalah burhan al-wujud wa-dalil al-hayat hanya tanda putih hati sahaja sert atulus dan ikhlas kita umpama sampah di tengah jalan kiriman kita kepada sahabat kita tombak dua batang, kasut suasa satu dan kasut perak satu⁵ ...*
- d) *Maka suatu pun tiada apa2 tanda hidup hanyalah budak perempuan dua orang serta kain sehelai itulah adanya.*

Dalam contoh-contoh di atas, pengirim warkah menyatakan bahawa dia tidak mempunyai sebarang benda atau hadiah untuk diberikan kepada penerima sebagai bentuk mengatakan hal sebaliknya tetapi dalam frasa yang berikutnya pengirim menyatakan pula jenis hadiah yang diberikan kepada penerima sebagai maksud sebenar yang ingin disampaikan. Dalam contoh-contoh di atas, hadiah yang ingin diberikan oleh pengirim terdiri daripada doa, sehelai kain besar, tombak dua batang, kasut suasa dan perak serta dua orang budak perempuan.

TEKNIK LANGSUNG

Teknik ini paling banyak digunakan dalam warkah Melayu sebagai salah satu strategi komunikasi di kalangan masyarakat Melayu lama. ini kerana maklumat yang hendak disampaikan tidak perlu berselindung tetapi secara terus terang. Tujuan

³ Surat Sultan Mahmud Syah dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnadur F.Light pada 10 November 1987.

⁴ Surat Sultan Mansur Syah dari Terengganu kepada Gurnadur F.Light pada 10 Februari 1792.

⁵ Surat Engku Sayid di Lingga kepada Raffles di Melaka pada 6 Januari 1811.

utama teknik langsung digunakan adalah untuk memaklumkan dan memperkenalkan diri pengirim serta memuji diri penerima warkah⁶.

Dalam warkah-warkah Melayu, pengirim akan mengiklankan dirinya dan memuji penerima dengan penggunaan konsep ruang yang tidak terhad. Pengirim gemar menggunakan konsep ruang yang sering kali tidak diterima akal demi untuk memuji penerima warkah, misalnya penggunaan frasa *seluruh pelosok, di mana-mana, di masyrik dan maghrib dan di barat serta di timur*. Amati contoh yang di bawah ini.

*Surat tulus ikhlas serta kasih sayang daripada beta Seri Maharaja Saudagar, barang disampaikan Tuhan seru sekalian alam apalah kiranya kepada sahabat Mister Erskine yang arif bijaksana pada hal menolong handai taulan hina gah masyhur ke mana?*⁷

Bagi pengirim pula bukan setakat memuji penerima, pengirim juga perlu mengiklankan dirinya kerana konsep mengiklankan diri mereka penting agar status mereka tidak dipandang terlalu rendah berbanding dengan penerima warkah. Dalam kajian yang dilakukan, Sultan Iskandar Muda dari Aceh telah menghantar surat kepada Raja James I pada tahun 1615. Dalam warkah baginda ini kata-kata pujian terhadap dirinya begitu banyak sekali dan 2/3 daripada kandungan warkah ini memuji diri baginda⁸. Sesetengah daripada kata puji-pujian terhadap diri baginda tidak masuk akal namun tetap digunakan dengan tujuan agar diri baginda dipandang tinggi oleh Raja James I di England. Antara kata pujian terhadap diri baginda yang digunakan adalah seperti yang berikut:

... dalam takhta kerajaan yang tiada terlihat oleh penglihatan, yang tiada terdengar oleh penengar, yang bermahligai gading, berukir berkerawang, bersendi bersindura, bewarna sadalinggam, yang berair emas, yang beristana sayojana, yang bersungai berikat batu pelinggam, yang umpama cermin sudah terupam, yang berpancuran emas bepermata beberapa daripada pancuran perak ...

Bagi sultan yang lain pula teknik mengiklankan diri tidak dibuat secara berlebihan tetapi dengan kadar tertentu, misalnya dengan menyatakan kerajaan pemerintahan dan juga keadaan lain yang umum sifatnya, misalnya:

*... daripada kita Seri Paduka Litnan Gupernur yang ada mempunyai perintah dan kebesaran di dalam negeri Betawi serta dengan segala daerah takluknya negeri Pulau Jawa sekaliannya daripada jalan menolongi pada segala raja-raja yang besar-besar ...*⁹

Pengiklanan diri oleh pengirim warkah terhadap penerima bukan sahaja terhad pada konsep ruang tetapi juga pada penggunaan konsep waktu. Dalam konsep waktu, pengirim akan menyatakan sifat-sifat pengirim dan pujian yang berkaitan dengan konsep ruang seperti tidak mudah berubah, kekal lama dan sebagainya.

⁶ Menurut Asmah (1984:1-43), teknik mengiklankan diri sama seperti teknik iklan barangan, iaitu tumpuan pada barangan sedangkan pengiklanan diri bertujuan untuk memperkenalkan diri pengirim kepada penerima warkah.

⁷ Lihat warkah yang dikirim oleh Seri Maharaja Saudagar Kedah kepada J.J.Erskine pada 21 Mac 1807.

⁸ Lihat Ab.Razak Ab.Karim, 2002 hlm. 81-93.

⁹ Kata-kata ini digunakan oleh Raffles dalam suratnya kepada Panembahan Sumenep pada 17 November 1815.

¹⁰Sering kali frasa hingga *akhir mutakhirin, tiada berkesudahan, tiada berhingga, tiada berkeputusan, selama-lamanya dan tiada berubah* banyak sekali ditemui dalam warkah-warkah Melayu. Ia seolah-olah sebagai suatu frasa yang cukup terkenal di kalangan jurutulis pada waktu itu. Amati contoh-contoh di bawah ini.

- a) ... *hormat mulia serta beberapa kasih sayang yang tiada berkesudahan selagi ada perkitaran cakrawala* ...¹¹
- b) *Warkah al-ikhlas wa tuhfat al-ajnas yang disertakan dalamnya tulus ikhlas kasih sayang muafakat yang tiada berkeputusan selagi ada cakrawala* ...¹²
- c) *Warkah al-ikhlas wa tuhfat al-ajnas yang dipersertakan di dalamnya tulus dan ikhlas serta suci hati yang tiada berhingga dan masa* ...¹³

Contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa pengirim menggunakan penilaian waktu bagi menggambarkan bahawa penerima mempunyai sifat tertentu seperti suci hati yang tidak terhingga hingga akhir zaman ataupun kasih sayang yang selama-lamanya. Untuk mengukuhkan lagi pujian tentang konsep waktu yang diberikan pada penerima, pengirim akan menambah unsur penguat iaitu unsur alam sebagai bentuk kiasan kerana unsur alam akan menjadi sandaran tentang pujian yang diperkatakan oleh pengirim kepada penerima. Sering kali frasa selagi ada peredaran cakerawala, matahari dan bulan digunakan selepas pujian yang diberikan. Perhatikan contoh-contoh di bawah ini.

- a) *Warkah al-ikhlas wa tuhfat al-ajnas yang dipersertakan dalamnya tulus dan ikhlas serta suci hati yang tiada berhingga dan masa selagi ada peredaran matahari dan bulan* ...¹⁴
- b) *Bahawa ini surat tulus dan ikhlas suci putih hati hening dan jernih yang tiada cemar dalamnya selagi ada peredaran cakrawala bulan dan matahari iaitu daripada Encik Pandak* ...¹⁵
- c) *Tulus ikhlas kasih sayang yang tiada berputusan dan tiada berkesudahan selagi ada peredaran cakrawala matahari dan bulan, iaitu daripada Yang Dipertuan Kelantan* ...¹⁶

Dalam kaedah langsung ini banyak lagi jenis kata pujian yang digunakan oleh pengirim seperti kaedah doa, kaedah penceritaan semula, penilaian kehandalan dan sebagainya yang bertujuan untuk memuji pengirim dan juga penerima warkah.

¹¹ Lihat warkah yang dikirim oleh Sultan Pontianak Syarif Kasim kepada Raffles pada 14 Februari 1811.

¹² Kata puji-pujian ini digunakan dalam warkah Yang Dipertuan Perak kepada Raffles pada 2 April 1811.

¹³ Lihat warkah Yang Dipertuan Muda Riau kepada Raffles pada 6 April 1811.

¹⁴ Lihat warkah yang dikirim oleh Yang Dipertuan Muda Riau kepada Raffles pada 6 April 1811.

¹⁵ Lihat warkah Syahbandar Lingga kepada Raffles pada 30 April 1811.

¹⁶ Lihat warkah Yang Dipertuan Kelantan kepada W. Farquhar pada 25 April 1822.

Tujuannya adalah untuk menunjukkan sifat-sifat tertentu yang dimiliki oleh pengirim atau untuk menyanjung pihak penerima warkah.

KESOPANAN BERBAHASA

Kesopanan berbahasa ialah peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh budaya dalam sesebuah masyarakat apabila berlakunya sesuatu komunikasi antara anggota-anggota masyarakat. Sekiranya pemeran yang melanggar norma berbahasa yang telah ditetapkan, ia dikatakan tidak tahu berbahasa dan kesopanan berbahasa boleh dilihat daripada anpek tingkah laku masyarakat penutur bahasa ataupun aspek-aspek bahasa yang dituturkan. Dalam aspek tingkah laku seperti bahasa badan memainkan perana penting manakala dalam aspek bahasa pula pemilihan kata atau ayat akan menggambarkan sama ada seseorang itu memenuhi norma budaya bahasa tersebut. Dalam konteks warkah-warkah Melayu, aspek tingkah laku tidak dibincangkan kerana ia melibatkan pemeran yang tidak bersemuka tetapi budaya bahasanya dapat diukur hanya berdasarkan penggunaan bahasanya sama ada sopan ataupun tidak¹⁷.

Dalam masyarakat Melayu tradisional, terutama masyarakat yang digambarkan dalam warkah-warkah Melayu kesopanan berbahasa di kalangan masyarakat dapat diukur berdasarkan pendekatan yang digunakan oleh Dell Hymes (1974). Menurut beliau, ada empat faktor yang menjadi penentu kesopanan penggunaan bahasa di kalangan masyarakat berdasarkan "*siapa yang bercakap dengan siapa, di mana, mengapa dan bagaimana*". Di bawah ini akan dibincangkan setiap satu faktor yang diutarakan oleh Hymes dan akan diberikan contoh-contoh untuk mengukuhkan pandangan beliau ini.

Apa berkaitan dengan tajuk atau perkara yang hendak diperkatakan antara dua orang pemeran yang terlibat. Dalam kes warkah sosial ia melibatkan pihak pengirim warkah dengan penerima warkah dan perkara yang sering di perikatakan antara pemeran yang terlibat mencakupi pelbagai aspek dari yang seremeh-remehnya hinggalah menyentuh aspek keselamatan dan perekonomian. Dalam warkah Melayu tajuk atau isi yang sering diperkatakan ialah masalah politik, seperti pemerintahan, rampasan kuasa, perang saudara dan sebagainya, perdagangan, pengiktirafan seseorang sebagai raja, pembayaran cukai dan sebagainya¹⁸. Kandungan warkah yang berlainan ini mempengaruhi pemilihan kata yang digunakan oleh pengirim warkah kepada penerimanya. di samping itu faktor siapa juga memainkan peranan penting dalam warkah. Siapa merujuk orang yang bercakap dan dalam kes ini antara pengirim warkah dan penerima warkah ini penting kerana penggunaan kata ganti nama akan menentukan taraf sosial antara kedua-dua pihak yang terlibat.

Dalam warkah yang dikirim oleh Raffles kepada Tunku Pengiran Siak pada 19 Disember 1810, banyak terdapat penggunaan kata-kata yang berkaitan

¹⁷ Asmah Hj.Omar (1996:90) menyatakan bahawa dalam bahasa Melayu terdapat dua jenis kesopanan, iaitu kesopanan berkendala dan kesopanan asas. Kesopanan asas ialah kesopanan yang sedia ada dan menjadi pedoman bagi anggota masyarakat untuk berhubung antara satu sama lain dengan cara menunjukkan adanya sikap berbaik-baik antara satu sama lain. Kesopanan berkendala pula ialah kesopanan yang menggambarkan usaha yang dilakukan oleh anggota masyarakat dalam hubungan antara satu sama lain dengan memberikan perhatian pada kendala-kendala tertentu.

¹⁸ Dalam sesepucuk warkah terdapat pelbagai kandungan yang diketengahkan oleh pengirim dan antara satu isi dengan isi yang lain terdapat pembahagian yang nyata berdasarkan penggunaan kata maka atau waba'dahu. Tidak ada sepucuk warkah pun yang hanya menyentuh satu isi sahaja secara khusus.

dengan soal perjanjian dan keselamatan kerana kandungan utama warkah ini menyentuh soal keselamatan dan kuasa Inggeris di Siak. Surat ini juga dimulakan dengan isi tanpa sebarang bentuk puji-pujian seperti surat yang lain memandangkan apa yang diperkatakan dalam warkah ini menjadi fokus utama penerima warkah. Surat ini juga memaparkan nada yang tegas dan formal berbanding surat-surat lain. Amati contoh kandungan surat baginda seperti di bawah ini.

Hendaklah ketahui kepada segala raja2 yang besar2 di dalam negeri Jawa yang melihat surat ini dengan cap Gurnur Jeneral di Benggala beta gantikan daripada beta Tunku Pengiran Sukma Dilaga Siak, ia mau masuk di dalam negeri Jawa bicarakan dengan raja2 mana2 mau menjadi sahabat betul sama dengan Kompeni Inggeris seperti pasal yang tersebut di bawah ini. Pasal yang pertama. Maka sudah dapat khabar kepada Gurnudur Jeneral di Benggala ada banyak susah raja2 di dalam tanah Jawa ...

Dalam contoh yang kedua pula perkara yang diperkatakan oleh pengirim warkah berlainan daripada yang pertama dan penggunaan kata gelaran juga menunjukkan hubungan antara pengirim dengan penerima warkah begitu akrab.

Salam serta berapa doa daripada adinda Siti Sabariah Cahaya Alam datang kepada hadrat kekanda Dewa Raja yang di dalam pelihara Dewata Mulia Raya dan lagi baik budi bahasa pada segala handai taulan lagi banyak akal sempurna. ... Jika kekanda hendak menengar khabar adinda tanyalah kepada k-w b-t supaya diceteranya segala hal ehwal adinda lebih daripada surat¹⁹.

Dalam contoh ketiga pula dapat dilihat penggunaan kata ganti nama yang berlainan dan bersifat mesra digunakan antara pengirim iaitu Sultan Aceh dan penerimanya Raffles. Penggunaan kata ganti nama yang berlainan atau kata gelarannya adalah berdasarkan hubungan antara pengirim dan juga penerima warkah. Lihat contoh di bawah:

Ammaba'dahu adapun kemudian hari itu maka inilah al-waraqah al-mukarramah wa-al tuhfah al-mu'azzamah yang diilthamkan kepada seorang antusan membawa warkah itu dengan selamat sempurna sampai kepada sahabat beta Seri Paduka Thomas Raffles yang ganti Gurnadur Jeneraldi Benggala, iaitu Seri Paduka Maharaja Gilbert Elliot Lord Minto Yang Dipertuan yang maha mulia²⁰.

Di mana berkaitan dengan latar belakang sesuatu perbincangan atau peristiwa bahasa yang berlangsung dan menimbulkan perbezaan aspek bahasa yang digunakan. Dalam hubungan ini, latar penulisan warkah berhubung kait dengan masyarakat Melayu tradisional yang menggunakan istana sebagai pusat aktiviti

¹⁹ Contoh ini dikutip daripada warkah Siti Sabariah Cahaya Alam dari Kedah kepada Francis Light Dewa Raja (tanpa tarikh). Menurut sesetengah pendapat, Siti Sabariah mempunyai hubungan yang begitu intim dengan Light yang berada di Pulau Pinang pada waktu itu. Ada pula pendapat yang menyatakan bahawa Siti Sabariah ialah perempuan simpanan Light tetapi setakat mana kebenaran fakta ini masih belum dapat dibuktikan. Bagaimanapun, berdasarkan kajian terhadap warkah-warkah Melayu yang bilangan ratusan pucuk, belum pernah ditemui warkah yang agak erotis yang dihantar oleh seorang perempuan kepada pegawai tinggi British pada waktu itu. Wallahualam.

²⁰ Lihat warkah yang dikirim oleh Sultan Aceh kepada Raffles pada 27 April 1811.

penulisan warkah. Bagi pihak barat pula terutama Inggeris dan Belanda, latar penulisan warkah ialah di alam Melayu dan mereka perlu mematuhi peraturan penulisan warkah kerana masyarakat pada waktu itu tidak akan menerima warkah yang tidak mematuhi peraturan yang telah ada pada waktu itu. Faktor inilah yang menyebabkan banyak warkah Inggeris atau Belanda kepada sultan, raja atau pembesar Melayu menggunakan bahasa Melayu dan gaya penulisan warkah dan mempunyai nilai-nilai Melayu disebabkan oleh latar tempat warkah tersebut tertulis. Lihat contoh-contoh di bawah ini antara warkah-warkah yang dikirim oleh pegawai-pegawai Belanda dan Inggeris serta raja-raja tempatan.

Warkah de Klerk di Betawi kepada Sultan Muhammad Bahuddin di Palembang pada 15 Ogos 1782 (Belanda)

Bahwa Gurnur Jenderal Reynier de Klerk beserta sekalian Raden pan India berkirim surat tulus ikhlas ini kepada sahabat seperjanjinya Paduka Seri Sultan Ratu Muhammad Bahauddin, raja atas takhta kerajaan Palembang, dimohonkan atasnya sehat dan afiat beserta daulat dan segala berkat yang dapat membahagiakan yang maha mulia beserta rakyatnya. Istimewa sahabat bersahabat pada antara Kompeni Wolandia dengan Tuan Sultan boleh tinggal tetap dan teguh hingga zaman yang mutakhirin adanya.

Warkah W.Farquhar kepada Datuk Bendahara Pahang pada 13 Jun 1819 (Inggeris)

Waba'dahu daripada itu maka adalah kita berkirim sepucuk surat kepada tangan Panglima Perang sahabat kita, menyatakan kasad dan maksud kita hendak bertemu dengan sahabat kita, dan mengatakan Tuan Besar Gabenor Bengkulu akan datang ke negeri Singapura dalam bulan Syaban ini.

Warkah Raja Ambon di Makassar kepada East India Company pada 23 May 1658 (Raja tempatan)

Salam doa yang dihias daripada Kimelaha Salahak yang di atas takhta kerajaan tanah Ambon serta takzim dan takrim datang kepada Gurunadur Kompani dan Kompani yang dipeliharaakan Allah subhanahu wa taala di pada tiap2 masa dan ketika, lagi bertambah2 sahabat dan sejahtera tawal Allah umrah wa rada fikalbu daulat wa hasanah berkat Muhammad min la nadi badahu amin ya rabbi al-alamin.

Mengapa berkaitan dengan tujuan sesuatu tujuan ucapan disampaikan sama ada untuk menyampaikan maklumat ulasan ataupun sebagainya. Dalam warkah Melayu tujuan warkah dihantar adalah disebabkan oleh pelbagai tujuan sama ada tujuan politik, perekonomian, perdagangan ataupun hal-hal yang bersifat peribadi. Setiap warkah yang dihantar oleh pengirim mestilah mempunyai sebab-sebab tertentu kerana tanpa sebarang tujuan seseorang pengirim warkah tidak akan menghantarnya kepada penerima. Oleh yang demikian, tujuan warkah ditulis

berkaitan dengan faktor apa yang diperkatakan oleh pengirim warkah. Kedua-dua faktor ini saling berkaitan antara satu sama lainnya.

Bagaimana dikaitkan dengan cara sesuatu saluran itu disampaikan sama ada secara bersemuka, melalui telefon atau sebagainya. Dalam konteks ini saluran yang digunakan untuk menyampaikan maklumat ialah dengan cara penulisan warkah atau seseorang itu mengutus warkah kepada individu tertentu. Dalam bentuk tulisan inilah segala maklumat akan disampaikan kepada pihak yang satu lagi dan bentuk inilah akan menentukan penggunaan bahasa menggantikan bahasa lisan yang dituturkan oleh pengirim warkah.

HUBUNGAN STRATEGI KOMUNIUKASI DAN KESOPANAN

Strategi komunikasi dan kesantunan berbahasa mempunyai hubungan yang cukup erat kerana dalam strategi komunikasi terdapat ciri-ciri kesopanan melalui tingkah laku penutur dan juga tutur kata yang sopan yang digunakan dalam sesuatu komunikasi itu. Untuk melihat hubungan ini terdapat beberapa faktor dalam strategi komunikasi yang menandakan kesopanan. Faktor-faktor tersebut ialah:

- a) *perkaitan peranan*
- b) *perbezaan taraf sosial*
- c) *kewujudan kuasa*
- d) *menjaga air muka*

Faktor-faktor ini akan dibincangkan di bawah ini berserta dengan contoh-contohnya sekali.

a) Perkaitan Peranan: Perkaitan peranan berkait dengan pemeran-pemeran yang terlibat dalam surat menyurat dan peranan masing-masing sewaktu surat menyurat berlaku. Dalam masyarakat Melayu tradisional, sultan, raja atau pembesar mempunyai peranan penting dan bagi pihak Barat pula Inggeris dan Belanda juga mempunyai peranan masing-masing. Oleh yang demikian, peranan jurutulis bagi pihak Barat atau sultan Melayu, amat penting kerana merekalah yang akan mendraf surat dan menentukan segala ketepatan fakta yang disampaikan kepada penerima memenuhi cita rasa pengirim. Pengirim hanya memaklumkan isi-isi yang hendak disampaikan manakala jurutulis yang akan menulis mengikut kehendak pengirim. Oleh sebab itu, peranan yang dimainkan oleh jurutulis cukup besar dan mereka merupakan orang tengah antara dua pihak yang berhubung melalui warkah.

b) Perbezaan Taraf Sosial: Perbezaan taraf sosial antara pengirim wujud dalam penulisan warkah Melayu dan pemeran sedar akan kewujudan faktor ini. Mereka sedar bahawa antara pengirim dan penerima warkah terdapat jurang sosial walaupun mereka tidak bersemuka. Jurutulis sedia maklum bahawa di kalangan masyarakat Melayu terdapat pangkat sosial yang berlainan dan diterima oleh masyarakat Melayu dalam sistem politik mereka.

Dalam sistem politik, raja menduduki tangga teratas dan diikuti oleh para pembesar serta kerabat-kerabat di raja serta rakyat. Di kalangan rakyat pula terdapat golongan hamba dan juga rakyat biasa yang bebas. Semua ini mendominasi sistem pemerintahan masyarakat Melayu tradisional. Di kalangan pemerintah British dan Belanda pula, sistem pemerintahan agak berlainan dengan Residen, Residen Jeneral, Gabenor, Gabenor Jeneral dan sebagainya mempunyai pangkat sosial dan berkuasa di kawasan yang ditadbirkan oleh mereka.

Berdasarkan susun lapis masyarakat Melayu dan pihak Barat ini, hanya golongan yang sama taraf atau hampir sama taraf dan mempunyai kepentingan akan mengutus warkah di kalangan golongan itu sahaja. Misalnya, raja, sultan atau pembesar yang mempunyai kepentingan akan membuat hubungan dengan pihak

Barat seperti Gabenor atau Residen manakala golongan bawahan seperti rakyat tidak akan mengutus warkah kepada pihak Barat dan sebaliknya.

Berdasarkan pangkat sosial dan juga jawatan yang dipegang oleh seseorang itu, kata sapaan memainkan peranan penting dalam menentukan kesopanan berbahasa di kalangan masyarakat zaman itu²¹. Faktor kemesraan dan hubungan yang rapat memainkan peranan penting dalam pemilihan kata sapaan yang digunakan untuk seseorang penerima warkah. Misalnya dalam warkah Melayu kata sapaan yang banyak digunakan ialah kata *sahabat* tetapi kata ganti nama lain seperti *kita* juga tidak kurang juga digunakan. Kata ganti nama ini digunakan oleh golongan pengirim warkah sebagai ganti nama diri pertama walaupun penggunaannya merupakan bentuk kata jamak. Kata ini digunakan oleh golongan raja/sultan, pembesar, pegawai-pegawai Inggeris, saudagar dan juga orang biasa.

Penggunaan kata ganti nama ini mempunyai konteks sosiolinguistik kerana ada hubungan yang akrab antara pengirim dan juga penerima warkah terutama apabila pihak raja mengutus warkah kepada pihak Inggeris. Golongan raja menggunakan kata ini untuk menunjukkan hubungan yang intim walaupun dari amalannya penggunaannya tidak berlaku di kalangan masyarakat Melayu²². Namun, yang penting hubungan yang terjalin akan membawa keuntungan kepada raja itu sendiri. Selain itu, kata ganti nama ini juga bersifat jamak, iaitu *kita* mendukung maksud jamak kerana raja atau pembesar sebenarnya mewakili orang-orang bawahan yang diperintah dan bukan untuk diri mereka sahaja. Antara contoh penggunaan kata ganti nama ini terdapat dalam contoh-contoh di bawah ini.

- a) *Adalah kita menyatakan hal kepada sahabat kita kerana kita menyuruh Lebai Abdul Khatib dahulu pada sahabat kita ada timah sedikit*²³.
- b) *Surat kasih sayang daripada kita saudagar Rahsia Raja di negeri Kelantan sampai kepada sahabat beta*²⁴
...
- c) *Waba'dahu kemudian dari itu maka adalah kita ini orang tuha yang daiftiada berdaya dan upaya* ...²⁵
- d) *Waba'dahu daripada itu maka adalah kita melayangkan sezarah warkah al-ikhlas ini kepada sahabat kita* ...²⁶

c) Kewujudan Kuasa: Kuasa sama ada disedari atau tidak dimiliki oleh seseorang raja ataupun pembesar. Kuasa ini merupakan keistimewaan bagi seseorang raja atau

²¹ Untuk maklumat lebih lanjut tentang penggunaan kata ganti nama dan gelaran dalam warkah-warkah Melayu lama lihat Ab.Razak Ab.Karim, 2002, *Aspek Penggunaan bahasa Dalam Warkah-warkah Melayu Lama: Satu Kajian* hlm.94-112.

²² Sekiranya pihak raja merasakan hubungannya dengan pihak Inggeris kurang intim, kata ganti nama *aku* sering digunakan oleh sultan dan kata ganti nama *kamu* untuk pihak kedua. Ini dapat dilihat dalam Surat Izin Berdagang di Aceh pada tahun 1602 yang antara lain berbunyi:

Aku raja yang kuasa di bawah angin ini ... maka sekalian kamu yang menilik kepada surat ini hendaklah dengan tilik kebajikan dan tilik yang sejahtera.

²³ Surat Isteri Tunku Raja Muda Selangor kepada Gurdanur F.Light pada Jumaat 28 Safar.

²⁴ Surat Saudagar Rahsia Raja di Kelantan kepada Gubernur pada 23 Jamadilawal 1209.

²⁵ Surat Tunku Tua di Siak kepada Raffles pada 20 Januari 1811.

²⁶ Surat W.Farquhar kepada Tengku Puteri Riau pada 6 Jun 1819.

pembesar bagi menjalan segala urusan yang berkaitan dengan pentadbiran mereka. Raja yang mengepalai sesebuah kerajaan mempunyai kuasa yang mutlak dan tidak boleh dipertikaikan oleh orang bawahan dan kuasa yang ada pada raja atau sultan akan diagihkan kepada golongan pembesar untuk menjalankannya. Merekalah yang menggunakan kuasa untuk mengadakan hubungan ataupun perdagangan dengan pihak barat.

Perkara yang sama juga berlaku di kalangan pegawai-pegawai Barat. Residen atau Gabenor di negeri-negeri Melayu menjalankan kuasa yang telah diberikan oleh Raja England atau Netherland. Mereka sebenarnya hanya menjalankan kuasa yang telah disalurkan kepada mereka untuk kepentingan negara mereka. Kedua-dua kuasa sama ada pihak Barat atau raja-raja Melayu mempunyai fungsi yang hampir sama, iaitu hanya menjalankan tugas yang telah diberikan kepada mereka. Oleh sebab itu dalam konteks budaya berbahasa walaupun mereka mempunyai kuasa mutlak tetapi segala keputusan yang mereka ambil perlu mematuhi segala arahan ataupun kepentingan orang yang lebih berkuasa daripada mereka. Mereka seolah-olah menjadi tangan-tangan yang menjalankan tugas yang dikawal oleh kuasa lain di sebalik mereka. Kuasa ini dinamakan sebagai kuasa yang tersembunyi. Oleh sebab itu segala keputusan pihak Barat mestilah menguntungkan kerajaan mereka manakala pihak sultan pula akan menguntungkan rakyat bawahan mereka. Dengan ini kuasa yang tersembunyi merupakan salah satu daripada faktor penanda kesopanan dalam warkah Melayu yang seolah-olah mengawal segala kesopanan yang dilakukan oleh setiap pemeran itu.

d) **Menjaga Air Muka:** Faktor ini penting bagi masyarakat Melayu bukan sahaja dalam sesuatu komunikasi tetapi juga menjangkau skop yang lebih luas daripada itu. Ini kerana seseorang yang tidak pandai menjaga air mukanya akan menyebabkan kaum keluarga mereka juga akan mendapat malu. Oleh itu faktor ini penting kerana ia melibatkan maruah ahli keluarga dan ia tergambar dalam perlakuan berbahasa seseorang itu.

Untuk menjaga air muka, seseorang penutur itu perlu berhati-hati sewaktu berkomunikasi agar pihak yang diajak bercakap tidak tersinggung dengan bahasa yang digunakan oleh pihak pertama. Ini kerana penggunaan bahasa yang kasar, kesat, mencarut, caci maki serta keji mengeji akan menimbulkan kemarahan serta tidak menjaga air muka orang yang diajak bercakap itu. Dalam konteks warkah-warkah Melayu faktor ini amat dititikberatkan kerana ia melibatkan dua pihak atau antara dua buah kerajaan. Sebagai raja atau pegawai Inggeris, mereka perlu menjaga air muka pihak yang satu lagi agar hubungan mereka tetap utuh dan hubungan yang terjalin tetap kekal. Gambaran kesopanan bahasa ini dapat dilihat dalam kepala surat, kata-kata pujian, prapenutup dan penutup warkah.

Dalam kepala surat kesopanan tergambar dengan penggunaan pelbagai bahasa kiasan dengan unsur alam semula jadi, nama-nama tuhan dan lain-lain lagi. Kesopanan juga tergambar dalam bahagian puji-pujian dengan penggunaan pelbagai bentuk strategi komunikasi. Unsur menjaga air muka juga tergambar dalam bahasa sopan yang digunakan oleh pengirim dalam bahagian prapenutup. Dalam bahagian ini pengirim akan merendahkan diri dengan pemberian hadiah yang ditujukan kepada penerima. Pengirim akan meminta pihak penerima supaya tidak memalukan atau menjatuhkan air mukanya dengan hadiah yang diberikan. Unsur menjaga air muka ini bersifat terus terang daripada pihak pengirim²⁷. Antara unsur penggunaannya dalam warkah dapat dilihat seperti di bawah ini.

- a) *Maka tiadalah suatu hadiah beta kepada sahabat beta
yang patut jadi permainan mata, hanyalah badik*

²⁷ Sifat berterus terang yang digunakan oleh pengirim menunjukkan bahawa unsur menjaga air muka begitu penting di kalangan masyarakat Melayu tradisional.

berterapang sebilah dan tombak sepasang sampak emas pakaian orang Melayu, tiada dengan seperti nya seumpama sekuntum bunga adanya akan jadi barang gunanya, maka jangan kiranya diaibkan²⁸.

KESIMPULAN

Dalam warkah Melayu, dua bentuk strategi komunikasi digunakan, iaitu kaedah langsung dan juga kaedah tak langsung. Tujuan kaedah ini digunakan adalah untuk mengiklankan diri pengirim serta memuji-muji pihak penerima warkah. Bagaimanapun, terdapat perkaitan antara strategi komunikasi dan kesopanan yang ditentukan oleh faktor perkaitan peranan perbezaan sosial, kewujudan kuasa, dan menjaga air muka. Faktor-faktor ini saling berkaitan dan menentukan kesopanan bahasa yang digunakan oleh pemeran yang terlibat dalam surat menyurat.


Berdasarkan contoh-contoh daripada warkah-warkah Melayu lama, jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu lama kaya dengan pelbagai budaya berbahasa, terutama kesopanan berbahasa di kalangan masyarakat. Budaya berbahasa yang diamalkan ini perlu dilestarikan dan diamalkan kerana banyak nilai positif yang akan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara.

Rujukan


- Ab.Razak Ab.Karim, 2002. *Aspek Penggunaan Bahasa Dalam Warkah-warkah Melayu Lama: Satu Analisis*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- , 2006. *Warkah Melayu Lama*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Hj.Omar, 1992. *The Linguistic Scenery of Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- , 1984. *Bahasa Iklan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- , 1996. *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bell, R.T.,1974. *Sociolinguistic Goal, Approaches and Problem*. London: B.T.Batsford Ltd.
- Gallop, Annabel Teh, 1994. *Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library.
- dan Benard Arps, 1991. *Golden Letters : Writing Tradition of Indonesia*. London: The British Library.

²⁸ Lihat Sultan Kedah kepada Lord Minto pada 23 Disember 1810.


LAMPIRAN I : SURAT DARI RIAU 1820




LAMPIRAN 2: SURAT DARI PALEMBANG 1823



LAMPIRAN 3: SURAT DARI LINGGA 1811



LAMPIRAN 4 : SURAT DARI JOHOR DAN PAHANG 1811



LAMPIRAN 5: SURAT DARI JOHOR 1811

